

# Kekejaman Zionis tiada penghujung

SELASA, 26/6/18 BERITA HARIAN M/S 11

**A**pakah masih ada 'udara keemasan' di Palestin walhal saban hari rakyatnya dibedil tentera Zionis dengan kejam tanpa batas perikemanusiaan? Mungkin ia igauan buruk kerana kekejaman demi kekejaman dilakukan tentera Zionis, seolah-olah mereka amat membenci penduduk Islam Palestin yang mahukannya lenyap dari pada bumi anbia itu.

Bagi ahli Panel Rehabilitasi Perubatan Palestin-United Kingdom (UK), Dr Khamis A Elessi, sekiranya masyarakat dunia idamkan hidup aman di bumi Palestin, ia mesti menyelesaikan isu pokok menjadi penyebab utamanya.

"Saya berasakan semua orang mahu hidup aman damai. Begitu juga semua negara di dunia bersejua dengan kedamaian.

"Rakyat Palestin juga sangat cintakan keamanan dan kami terpaksa 'berperang' untuk mendatukkannya," katanya kepada BH ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Khamis yang juga pakar neuro Hospital Islamic University Gaza, berada di Malaysia atas jemputan Mercy Malaysia - sebuah pertubuhan bukan kerajaan

## Komentar



**Osman Lisut**  
bhnews@bh.com.my

(NGO) yang memberi bantuan kemanusiaan di seluruh dunia, termasuk di Palestin, selain bertindak sebagai wakil Mercy Malaysia di negara bergolak berkenaan.

Beliau berharap malapetaka ini segera dihentikan bagi membolehkan masyarakat Islam Palestin dapat hidup dalam aman seperti sebelum kehadiran orang Yahudi yang dibawa masuk oleh Britain sejak 70 tahun lalu.

"Kami tidak kisah jika Israel mahukan sebahagian tanah kami. Yang kami mahu ialah diberi kebebasan tanpa gangguan menjalini kehidupan harian.

"Rakyat Palestin sebenarnya bersedia memperakui pemilikan 78 peratus tanah Palestin kepada Israel, manakala selebihnya 22 peratus bagi rakyatnya," katanya.

**Tiada rawatan sempurna**  
Beliau melahirkan kekesalan kerana pesakit, terutama kanak-kanak tidak mendapat rawatan sempurna.

"Hak mereka dimafikan untuk mendapatkan rawatan di Gaza sendiri kerana penghantaran ubat-ubatan dan peralatan hospital disekat Zionis.

"Begitu juga bagi mendapatkan rawatan terbaik di Tel Aviv juga terhalang gara-gara ibu bapa atau saudara mara mereka pernah mempunyai rekod menentang Zionis lalu tidak dibenarkan masuk ke Israel," katanya.

Beliau berkata, ketika ini kira-kira 90 peratus kanak-kanak Palestin menderita dengan gangguan stres pascatrauma (PTSD), mimpi buruk, tingkah laku agresif, tersisih dalam masyarakat dan pelbagai penyakit psikologi.

"Rata-rata hati mereka parah selepas melihat ibu, bapa, kakak, abang, jiran dan rakan dibunuh atau dcederakan di depan mata.

"Selain itu, mereka turut mengalami kecederaan fizikal, malah kecacatan jangka panjang, mungkin sepanjangan hidup," katanya.

Sementara itu, Ketua Kormunikasi dan Kerjasama Strategi Mercy Malaysia, Li Jin memberitahu di-

sebabkan terlalu ramai kanak-kanak Palestin mengalami PTSD, NGO itu membuka pusat psikososial di Hospital Islamic University Gaza dan Dr Khamis sebagai pemegang amanah bagi segala sumbangan rakyat Malaysia untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Jika dahulu Semenanjung Gaza berkeluasan 360 kilometer persegi, tetapi dek keganasan askar Israel tanpa perikemanusiaan, mereka nyaksikan saiznya kini tinggal separuh keluasan Singapura.

### Penjara terbesar

Gaza kini menjadi penjara terbuksa terbesar di dunia berbanding penjara Abu Ghraib di Iraq atau Guantanamo Bay di Cuba. Jika dahulu warga Palestin bebas ke mana sahaja, tetapi kini terkepung dengan kehadiran tentera Zionis.

Lebih 100 rakyat Palestin, termasuk kanak-kanak ditahan tanpa alasan oleh Zionis dan tidak diketahui akan nasib mereka.

Dr Khamis berkata, beliau bersyukur menjadi antara puluhan ribuan rakyat Palestin yang berjaya keluar dari Gaza.

"Walaupun menyedari pintu sempadan di Rafah hanya dibuka setiap tiga bulan, lebih 30,000

penduduk Palestin berada di situ untuk keluar dari Gaza.

"Malangnya hanya 300 hingga 900 orang dibenarkan untuk tempoh tiga hari ketika dibuka. Namun, sempena Ramadan lalu, Presiden Mesir, Abdel Fattah el-Sisi membenarkan ia dibuka sepanjang bulan mulia berkenaan.

"Bagaimanapun, dengan prosedur ketat dan penuh birokrasi, hanya 200 dibenarkan keluar pada setiap hari untuk visa se-minggu," katanya.

Mengenai gencatan senjata sedang dicabuli tentera Zionis, beliau berkata, seingatnya tiga kali iaitu pada 2009, 2012 dan 2014.

"Mereka bukan sahaja melepaskan tembakan, malah menggebom kediaman, sekolah dan hospital hingga menyebabkan kerosakan teruk serta kehilangan nyawa.

"Kebiasaannya orang kurang upaya, wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa. Malah, sukarelawan dan pembantu perubatan turut menjadi mangsa tembakan peluru hidup tentera Zionis ini.

"Malangnya, kuasa besar tidak banyak membantu meredakan ketegangan itu kerana kekejaman Zionis ini berselindung pada kuasa veto sekutunya, Amerika Syarikat," katanya.